



KITLV / PUSAT SUMBER MALAYSIA DI UNIVERSITI LEIDEN

Pusat Sumber Malaysia di Koninklijk Instituut voor de Taal-Lan-en Volkenkunde (KITLV) atau lebih dikenali sebagai Institut DiRaja Linguistik dan Antropologi Hindia Timur Belanda telah ditubuhkan pada Disember 1995 dengan hasrat untuk mempromosikan Malaysia dan pendidikan Bahasa Melayu di Eropah.

Penubuhan Pusat Sumber ini juga bertujuan untuk menyokong aktiviti penyelidikan para siswa-siswi di Eropah dengan menyediakan maklumat-maklumat khusus, bahan bacaan dan pengetahuan serta lain-lain sumber rujukan am mengenai Malaysia dan Bahasa Melayu. Ia juga ditubuhkan untuk menyokong pengajian Bahasa Melayu di Universiti Leiden.

Perpustakaan Negara Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk membekalkan bahan bacaan dan rujukan bersesuaian yang diterbitkan di Malaysia.